

12/11/1998

Pelantikan timbalan hak PM: MCA

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata partinya mengalu-alukan sesiapa saja yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Menurutnya, pelantikan untuk jawatan itu adalah hak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran iaitu sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri bukan sekadar akan memimpin satu kumpulan, tetapi memimpin seluruh rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Ini (pelantikan Timbalan Perdana Menteri) adalah hal ehwal Umno. Tetapi saya ingin berkata sesiapa yang dilantik bukan sekadar akan memimpin satu kumpulan, tetapi dia berada di sana untuk memimpin seluruh negara.

"Perdana Menteri adalah seorang yang amat bijaksana dan beliau tahu apa yang perlu dilakukan dan siapa yang perlu dilantik... MCA tidak perlu menasihatkan beliau mengenai pelantikan timbalannya.

"Ini bukan satu masalah, tetapi ia adalah hak Perdana Menteri dan Umno, kami (MCA) menghormati keputusan mereka," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabatnya, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pendiriannya sebagai Presiden MCA, satu daripada parti komponen Barisan Nasional, sama ada Dr Mahathir patut melantik pengganti Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat pada 2 September lalu.

Bagaimanapun, Dr Ling berkata Perdana Menteri tidak perlu tergesa-gesa untuk melantik timbalannya kerana banyak negara sekadar mempunyai Presiden, tanpa timbalan.

"Jadi, saya tidak fikir ia adalah satu perkara besar... tidak mempunyai Timbalan Perdana Menteri sekarang," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata jika berlaku sesuatu kejadian tidak diinginkan ke atas diri Dr Mahathir, Umno sudah pasti mempunyai cara dan langkah untuk menangani masalah itu secara waras dan bijaksana.

"Saya yakin jika masalah ini berlaku, sudah pasti ada cara-cara untuk menyelesaikan dan ia bergantung sepenuhnya kepada Umno," katanya.

Beliau juga berkata, persoalan membabitkan pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru tidak dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet hari ini.

Sementara itu, Dr Ling berpendapat Dr Mahathir memberi pandangan yang jujur, ikhlas dan jelas mengenai situasi politik dan ekonomi negara ini ketika ditemu bual oleh rangkaian kabel satelit, CNN International, malam tadi.

(END)